



## AKTA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN 2009

**P.U. (A) 209/2009**

### **PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN (PROSES PEMILIHAN DAN KAEDAH PELANTIKAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH ATASAN) 2009**

Tarikh diterbitkan dalam *Warta*: 1 Jun 2009

Tarikh mula berkuatkuasa: 1 Jun 2009

---

#### **SUSUNAN PERATURAN**

---

##### Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pengiklanan kekosongan jawatan
4. Kekosongan jawatan di Mahkamah Tinggi
5. Kekosongan jawatan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan
6. Bentuk permohonan
7. Kewajipan Setiausaha apabila menerima permohonan atau cadangan
8. Tapisan
9. Calon simpanan
10. Keputusan Suruhanjaya

## AKTA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN 2009

### PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN (PROSES PEMILIHAN DAN KAEADAH PELANTIKAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH ATASAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 30 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*], Perdana Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Proses Pemilihan dan Kaedah Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Atasan) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2009.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*];

“hakim” ertinya hakim mahkamah atasan;

“ketua jabatan” ertinya Peguam Negara Malaysia atau Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“orang berkelayakan” ertinya seseorang yang berkelayakan di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan untuk dilantik sebagai hakim di bawah Perkara 122B.

#### **Pengiklanan kekosongan jawatan**

3. (1) Suruhanjaya boleh mengiklankan dalam laman web Suruhanjaya atau dalam apa-apa perantara lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk mengisi mana-mana kekosongan jawatan hakim.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), iklan itu hendaklah menyatakan—

(a) jawatan kosong itu;

(b) kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan;

(c) pengalaman, kelayakan akademik dan kelayakan lain yang dikehendaki;

- (d) saraan dan elaun;
- (e) tarikh tutup bagi permohonan itu; dan
- (f) alamat yang kepadanya permohonan itu hendaklah dihantar.

### **Kekosongan jawatan di Mahkamah Tinggi**

4. (1) Mana-mana orang berkelayakan boleh memohon kepada Suruhanjaya supaya dipilih bagi pelantikan sebagai hakim Mahkamah Tinggi.
  - (2) Dalam hal orang berkelayakan yang merupakan seorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan, permohonan itu hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya melalui ketua jabatan.
  - (3) Ketua jabatan hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Suruhanjaya berserta dengan maklumat perkhidmatan yang berkaitan dan pernyataan sama ada dia menyokong permohonan itu atau selainnya.

### **Kekosongan jawatan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan**

5. (1) Berhubung dengan kekosongan jawatan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, orang yang berikut boleh mencadangkan nama kepada Suruhanjaya bagi pemilihan:
  - (a) Ketua Hakim Negara yang akan bersara, bagi kekosongan jawatan Ketua Hakim Negara;
  - (b) Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan yang akan bersara, bagi kekosongan jawatan Presiden Mahkamah Rayuan;
  - (c) Ketua Hakim Negara dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya yang akan bersara atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang akan bersara, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi kekosongan jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;
  - (d) Ketua Hakim Negara, bagi kekosongan jawatan hakim Mahkamah Persekutuan; dan
  - (e) Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan, bagi kekosongan jawatan hakim Mahkamah Rayuan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh mempertimbangkan nama yang dicadangkan oleh orang yang terkemuka yang mempunyai pengetahuan mengenai profesion undang-undang atau yang telah mencapai keunggulan dalam profesion undang-undang berkenaan dengan kekosongan jawatan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan.

### **Bentuk permohonan**

6. Permohonan di bawah peraturan 4 hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

## **Kewajipan Setiausaha apabila menerima permohonan atau cadangan**

7. (1) Apabila Suruhanjaya menerima permohonan atau cadangan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Setiausaha hendaklah—

(a) merekodkan permohonan atau cadangan itu dan mengaku terima permohonan atau cadangan itu kepada pemohon atau kepada orang yang membuat cadangan itu; dan

(b) menyemak permohonan atau cadangan itu untuk memastikan bahawa pemohon atau calon itu adalah layak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Setiausaha hendaklah, secara bertulis, memberitahu pemohon atau orang yang membuat cadangan itu tentang apa-apa permohonan atau cadangan yang tidak lengkap dan pemohon atau orang yang membuat cadangan itu hendaklah membuat pindaan yang perlu dan mengemukakan semula permohonan atau cadangan itu dalam tempoh empat belas hari setelah diberitahu sedemikian.

(3) Suruhanjaya hendaklah menolak permohonan atau cadangan yang tidak memenuhi kriteria pemilihan di bawah seksyen 23 Akta dan hendaklah, secara bertulis, memberitahu pemohon atau orang yang membuat cadangan itu tentang penolakan itu.

## **Tapisan**

8. (1) Setiausaha hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, menghantar nama pemohon dan orang yang dicadangkan di bawah peraturan 5 yang memenuhi kriteria pemilihan di bawah seksyen 23 Akta kepada agensi yang berikut bagi maksud tapisan:

(a) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

(b) Polis Diraja Malaysia;

(c) Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan

(d) Jabatan Insolvensi Malaysia.

(2) Agensi yang dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan permintaan daripada Setiausaha, mengemukakan laporannya kepada Suruhanjaya.

(3) Selepas diterima semua laporan daripada agensi yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Setiausaha hendaklah seterusnya menyediakan kertas pertimbangtelitian bagi setiap pemohon dan orang yang dicadangkan yang telah lulus proses tapisan oleh agensi bagi proses pemilihan oleh Suruhanjaya.

(4) Setiausaha hendaklah memaklumkan Suruhanjaya nama pemohon dan orang yang dicadangkan yang gagal dalam proses tapisan yang dijalankan oleh mana-mana agensi yang dinyatakan dalam subperaturan (1).

## **Calon simpanan**

9. (1) Dalam memilih calon untuk disyorkan bagi pelantikan ke mahkamah atasan, Suruhanjaya hendaklah memastikan bahawa ada calon simpanan bagi maksud mematuhi apa-apa permintaan yang mungkin dibuat oleh Perdana Menteri di bawah seksyen 27 Akta.

(2) Apabila diterima permintaan daripada Perdana Menteri di bawah seksyen 27 Akta, Suruhanjaya hendaklah mengemukakan nama calon simpanan dan laporannya di bawah seksyen 26 Akta.

## **Keputusan Suruhanjaya**

10. (1) Setiausaha hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memberitahu pemohon dan orang yang dicadangkan mengenai keputusan Suruhanjaya tentang sama ada mereka telah disyorkan di bawah seksyen 26 Akta bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan.

(2) Keputusan Suruhanjaya adalah muktamad dan konklusif.

Dibuat 29 Mei 2009  
[SPK.(R)605/3; PN(PU<sup>2</sup>)680]

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
*Perdana Menteri*

Hakcipta Pencetak 

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA